

## **MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP**

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia – Company No. 524989-M)

Berita Harian – Bisnes – 18 November, 2013 (A)



**RITA BENOY  
BUSHON**

### » *Peraturan baru di UK lindungi pelabur*

**S**uruhanjaya Sekuriti (SC) mengenakan denda terhadap Ranhill Energy & Resources Berhad (Ranhill) sebanyak RM200,000 dan menegur serta mendenda Ketua Pegawai Eksekutif, Tan Sri Hamdan Mohamad sebanyak RM300,000 atas kegagalan menzahirkan beberapa maklumat penting berhubung penyenaraian Ranhill.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif serta pihak pengangur gagal memberitahu pihak Suruhanjaya Sekuriti mengenai penggantungan lesen oleh PETRONAS yang mewakili 45 peratus perolehan syarikat, berikutan kualiti rendah pelaksanaan kerja di terminal rega-

# Pengundian secara ‘poll’

sifikasi di Sungai Udang, Melaka. Kegagalan ini adalah pelanggaran peraturan yang serius dan material oleh syarikat dan pengasasnya tetapi pada masa sama adakah pihak pengangur juga patut diperintanggjawabkan berdasarkan peranan mereka di dalam peraturan baru UK penyenaraian itu?

Dalam hal berasingan, United Kingdom (UK) baru-baru ini memperkenalkan beberapa peraturan baru yang bertujuan menghalang pemegang saham majoriti daripada memusnahkan kredibiliti dan nilai syarikat, sekali gus melindungi pelabur minoriti. Dengan itu, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia boleh mempertimbangkan model sedemikian di Malaysia.

Peraturan itu antara lain menghendaki semua pemegang saham majoriti syarikat tersenarai yang berpremium tinggi, termasuk yang menjadi komponen FTSE 100 memastikan pembabitan mereka dalam syarikat berada pada tahap yang tulus dan tidak campur tangan dalam urusan harian syarikat. Ini menjurus kepada inti pati pengasingan konsep prinsipal dan agen.

Jika pemegang saham

majoriti mempunyai pegangan lebih 30 peratus, pelabur syarikat yang lain akan dibenarkan mengundi ke atas semua resolusi berkenaan urusan transaksi korporat yang membabitkan syarikat.

#### **Dua tahap pengundian**

Bagi syarikat yang mempunyai pemegang saham majoriti, terdapat dua tahap pengundian bagi melan tik pengarah bebas. Ini bermakna

perlantikan itu perlu diluluskan melalui pengundian oleh semua pemegang saham dan juga melalui pengundian berasingan oleh pemegang saham minoriti. Kaedah ini selari dengan pandangan kami mengenai pengundian secara ‘poll’ yang boleh dilaksanakan di Malaysia.

Langkah berkenaan menunjukkan keseriusan pihak Kerajaan United Kingdom untuk meletakkan

London sebagai pusat kewangan global yang berkredibiliti tinggi, walaupun ini mungkin mengakibatkan kurangnya penyenaraian baru.



Penulis ialah Ketua Eksekutif Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (MSWG)